

Norihan Binti Anah

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, December 19, 2017 3:01 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Tanggungjawab Universiti Lahir Generasi Masa Hadapan Hadapi Impak IR4.0



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



19 DISEMBER 2017 / 30 RABIULAWAL 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

TANGGUNGJAWAB UNIVERSITI LAHIR GENERASI MASA HADAPAN HADAPI IMPAK IR4.0



UUM ONLINE: Bagi memastikan generasi masa hadapan bersedia menghadapi era Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0), universiti bertanggungjawab untuk membuat persediaan dengan memastikan pelajar mendapat bekalan secukupnya khususnya untuk menghadapi gangguan revolusi tersebut.

Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, universiti berperanan untuk melahirkan generasi masa hadapan yang akan menjadi pemimpin yang bersedia menghadapi impak IR4.0 itu.

Katanya, revolusi tersebut telah dicetuskan oleh teknologi yang melakukan pelbagai perubahan kepada dunia dan transformasi dalam kehidupan manusia sekarang.

Menurutnya, kesan revolusi itu juga menimbulkan gangguan dalam kehidupan tetapi ia bukan sahaja dilihat pada sudut negatif, malah impak positif.

"Justeru, kita ingin fahami kedua-dua impak itu dalam IR4.0 dan di universiti sendiri bertanggungjawab untuk memastikan apa yang disalurkan, digarap dan dibangunkan dalam kalangan siswa yang memasuki universiti seawal usia 18 tahun dan bergelar graduan pada usia 24 tahun sudah mempunyai bekalan untuk mereka berdepan dengan gangguan daripada IR4.0 ini.

"Kita kena faham senario sekarang dan masa hadapan untuk sekurang-kurangnya lima atau 10 tahun akan datang, sebab itu universiti perlu membuat persediaan bagi tempoh tersebut kepada pelajar untuk berdepan dengan perubahan yang akan berlaku," katanya pada Wacana Majlis Profesor UUM di EDC Hotels & Resorts, pagi tadi.

Beliau yang juga Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Profesor Negara (MPN) berkata, kalangan profesor juga memainkan peranan sebagai pemimpin yang akan membantu untuk memberi panduan dalam menghadapi senario itu yang mana perlu dikekalkan atau diubah atau dikukuhkan.

Menurutnya, masyarakat tidak boleh bergantung kepada teknologi dan pada masa sama masih perlu melahirkan 'good citizen', 'human being' dan intelek yang mengikut era IR4.0.

Beliau juga berharap wacana bertajuk '*IR4.0 Disruption and Its Implications on The Malaysian Society*' tidak dianjurkan secara 'on-off' sahaja tetapi mesti diteruskan di peringkat lain secara spesifik dan ikut keperluan atau bidang dan industri.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising

from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.